

20 MAY 2000

Ling-Jawatan

PM SETUJU DUA JAWATAN UNTUK MCA SELEPAS PILIHAN RAYA, KATA LING

BUTTERWORTH, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) telah memersetujui pengisian dua jawatan oleh calon MCA di Pulau Pinang sebaik selepas pilihan raya Umum yang lepas, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Ling berkata, persetujuan itu yang dianggap muktamad merupakan satu persetujuan pakej oleh pucuk pimpinan BN bagi menghargai kejayaan MCA menyapu bersih kesemua kerusi di Dewan Undangan Negeri ini yang diperuntukkan kepada parti itu.

MCA menganggap perkara mengenai kedua-dua jawatan itu - Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang - sebagai selesai, katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Perwakilan MCA Pulau Pinang, di sini.

Menurutnya, perkara itu telah selesai, tetapi ditimbulkan oleh "kiasu" (bermakna orang yang takut kalah dalam loghat Hokkian yang banyak digunapakai di Singapura). Beliau tidak menamakan siapa yang "kiasu".

Beliau mengulas kenyataan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang juga ketua Parti Gerakan Pulau Pinang kepada akhbar-akhbar berbahasa Cina yang menggambarkan beliau (Koh) baru-baru ini telah mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya kedua-dua jawatan itu diisi oleh MCA.

Katanya, Perdana Menteri telah menjelaskan dengan baik penawaran kedua-dua jawatan kepada MCA secara bertulis.

Ling berkata, kedua-dua jawatan itu ditawarkan oleh Perdana Menteri kepada parti itu hasil daripada senarai permintaan yang dibuat sebaik keputusan pilihan raya umum yang lepas diketahui. Beliau enggan menjelaskan siapa yang membuat permintaan tersebut.

Bagaimanapun, beliau berharap kekosongan kedua-dua jawatan itu diisi secepat mungkin dan tidak mahu perkara itu dibahas lebih lanjut lagi oleh ahli-ahli parti itu.

Menurutnya, beliau telah menasihati ahli-ahli MCA supaya tidak mempertikaikan mengenai perkara berkenaan kerana orang yang membuat kesilapan tidak akan mengakui kesilapan berkenaan.

Katanya, semua peringkat parti itu mesti memersetujui apa sahaja keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan BN.

Nama-nama calon MCA untuk kedua-dua jawatan itu akan ditentukan oleh MCA Pulau Pinang, katanya.

-- BERNAMA

AHM zb